

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : TEKNOLOGI PENDIDIKAN

KOD KURSUS : BBH 10303

PROGRAM : 1 BBV

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014

MASA : 3 JAM

ARAHAN :
A) JAWAB **SEMUA** SOALAN
B) JAWAB **SEMUA** SOALAN
C) JAWAB **SEMUA** SOALAN


KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA BELAS(12)** MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1** Menurut Heinich, Molenda & Russel (1969), teknologi ditakrifkan sebagai:
- A Teknologi sebagai proses: Suatu proses ke arah penyelesaian kepada masalah-masalah dengan menggunakan teknik, kaedah, reka bentuk atau alat yang berkesan dan teruji.
 - B Aplikasi pengetahuan sains dalam mereka cipta alat-alat yang dapat meningkatkan keupayaan manusia
 - C Penggunaan teknologi-teknologi yang relevan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran matematik dapat membantu mempertingkatkan kefahaman pelajar dari segi pencapaian akademik
 - D Kemahiran menggunakan pengetahuan (saintifik mahupun tidak) secara sistematik sehingga terbit satu amalan yang praktikal bagi melaksanakan sesuatu tugas
- S2** Pendidikan secara umumnya didefinisikan sebagai
- A segala pengalaman yang diperolehi secara langsung dan tidak langsung dari persekitaran.
 - B segala pengalaman yang diperolehi secara tidak langsung dari persekitaran.
 - C segala pengalaman yang diperolehi secara tidak langsung dari luar dan dalam sekolah.
 - D pengalaman yang dirancang secara sistematik dan diberi oleh guru dalam bilik darjah.
- S3** Peranan utama teknologi pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah untuk
- A menterjemahkan secara sistematik prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran ke dalam bentuk perancangan bahan-bahan dan aktiviti pengajaran
 - B membekalkan perisian komputer untuk memudahkan proses pembelajaran
 - C membangunkan perkakasan yang dapat menyampaikan bahan-bahan pembelajaran terhadap pelajar dengan berkesan dan efisien
 - D menghasilkan perisian kepada guru dan pelajar bagi tujuan meningkatkan keberkesanan pembelajaran
- S4** Domain pengembangan atau pembangunan melibatkan empat bahagian major teori dan amalan dalam teknologi pengajaran. Apakah empat bahagian tersebut?
- A Teknologi bercetak, teknologi audio visual, teknologi berasaskan komputer dan teknologi multimedia
 - B Teknologi bercetak, teknologi audiovisual, teknologi berasaskan komputer dan teknologi bersepadu
 - C Teknologi bercetak, teknologi visual, teknologi berasaskan komputer dan teknologi bersepadu
 - D Teknologi bercetak, teknologi audiovisual, teknologi berasaskan komputer dan reka bentuk sistem pengajaran

- S5 Nyatakan elemen yang diwakili oleh abjad **A**, **B**, **C** dan **D** dalam Rajah S5 model media menyampaikan mesej:



Rajah S5

- A Guru/sumber maklumat
 B Medium
 C Kaedah
 D Pelajar/penerima
- S6 Pembelajaran merupakan kebolehan dan keupayaan para pelajar untuk memberi makna terhadap pengalaman mereka. Pernyataan ini merujuk kepada teori
- A behaviorisme
 B kognitivisme
 C konstruktivisme
 D sosialisme
- S7 Teori Behaviorisme mengatakan bahawa pembelajaran merupakan satu proses pelaziman, di mana hubungan antara rangsangan luar dengan tindak balas individu dapat dibina untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang kekal. Terdapat tiga hukum yang dinyatakan di dalam Teori Behaviorisme seperti berikut, kecuali:
- A Hukum kesediaan
 B Hukum latihan
 C Hukum kesan
 D Hukum rangsangan
- S8 Berdasarkan Teori Behaviorisme, peneguhan merujuk kepada
- A satu kiu/ tanda yang membimbing pelajar.
 B akibat yang akan menghasilkan pengulangan semula tingkahlaku yang diinginkan
 C satu pendekatan untuk mengukuhkan pengetahuan pelajar.
 D mengulangi satu-satu perbuatan.


- S9** Kelemahan Teori Behaviorisme adalah seperti berikut:
- I Prinsip peneguhan kurang menarik
 - II Teori hanya tertumpu kepada tingkah laku yang boleh dilihat sahaja
 - III Perubahan tingkah laku berkaitan dengan organisasi ingatan atau memori dalam pemikiran
 - IV Pengajaran terlalu kaku atau rigid iaitu langkah-langkah mesti mengikut urutan
- A I, II, dan III
 - B II, III dan IV
 - C I,III dan IV
 - D I, II dan IV
- S10** Model ASSURE mengandungi enam langkah. Dalam langkah "*Analyze Learners*" pelajar dianalisis berdasarkan aspek-aspek berikut kecuali
- A gaya belajar
 - B ciri-ciri umum pelajar
 - C tanggapan pelajar terhadap topik mata pelajaran
 - D pengetahuan/pengalaman sedia ada
- S11** Menurut gagne, pembelajaran adalah sebagai salah satu cara untuk memproses data dan maklumat, di mana proses pembelajaran bergerak dari peringkat mudah ke rumit. Terdapat Sembilan (9) langkah dalam turutan pembelajaran Gagne, dan langkah ke tujuh adalah
- A memberi bantuan pembelajaran
 - B memberi maklum balas
 - C memberi bantuan pembelajaran.
 - D mencungkil prestasi
- S12** Prinsip utama yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan media:
- A Analisis latar belakang dan stail pembelajaran pelajar
 - B Kaedah pengajaran sama ada pengajaran berkumpulan atau sendiri
 - C Potensi media bagi melaksanakan objektif pembelajaran dengan berkesan
 - D Kekangan dalam pelaksanaan seperti faktor ruang dan peralatan
- S13** Semasa penyediaan bahan grafik dalam poster pendidikan, grafik yang utama perlu diletakan di sebelah poster tersebut sejajar dengan prinsip tumpuan mata pelajar.
- A kiri
 - B kanan
 - C tengah
 - D bawah
- S14** Keseimbangan elemen dipengaruhi oleh aspek berikut kecuali
- A saiz.
 - B kedudukan.
 - C bentuk.
 - D ruang.

- S15** Sebagai seorang guru, anda ingin menghasilkan satu bahan baru. Apakah faktor-faktor yang perlu diambil kira sebelum menghasilkan bahan tersebut?
- I Kemudahan sedia ada
 - II Kumpulan sasaran
 - III Kos yang diperlukan
 - IV Tenaga kepakaran
- A. I, II, dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. Kesemua di atas
- S16** Huruf _____ mempunyai strok yang sama seluruhnya dan tidak mempunyai serif. Huruf ini banyak digunakan dalam rekabentuk visual dan penerbitan buku.
- A Gotik
 - B Roman
 - C Cursive
 - D Novelty
- S17** Pembelajaran hari ini memerlukan pelajar mengenalpasti ciri-ciri serangga. Guru yang terlibat telah memilih gambar pegun sebagai media dan disampaikan melalui video. Tindakan guru ini menunjukkan beliau melakukan pengkelasan media berasaskan pendekatan bahawa
- A mengenali ciri fizikal media lebih penting daripada terus menentukan peralatan dan bahan.
 - B semakin realistik sesuatu bahan, semakin tinggi nilainya pada pembelajaran.
 - C pengalaman pelajar sebagai pemerhati dapat memanfaatkan aktiviti pembelajaran.
 - D perwakilan visual berkesan untuk pemahaman konsep.
- S18** Penyuntingan video adalah elemen penting dalam menghasilkan sesuatu persembahan video. Manakah dari senarai berikut yang bukan langkah penyuntingan video?
- A Animasi
 - B Audio
 - C Kesan bunyi
 - D Cetak CD
- S19** Simplisiti dalam reka bentuk visual bertujuan
- A menonjolkan item utama (key elements).
 - B mempersembahkan satu perkara pada satu masa.
 - C memudahkan arah aliran persembahan.
 - D memungkinkan kefahaman yang cepat dan jelas.
- S20** Model yang sesuai digunakan untuk mengintegrasikan audio dalam pengajaran ialah
- A ASSIST
 - B ASSUME
 - C ASSESS
 - D ASSURE

S21. Telesidang video memerlukan alat-alat berikut:

- I Kamera video
- II Projektor legap
- III Alat audio
- IV CODEC
- A I, II dan III
- B II dan IV
- C I, III dan IV
- D Kesemua di atas

S22 Teknik penggunaan transparensi yang ditunjukkan oleh Rajah S22 ialah



Rajah S22

- A *overlays*
- B *masking*
- C *revelation*
- D *sectioning*

S23 Manakah antara berikut merupakan pernyataan yang salah mengenai reka bentuk transparensi secara umum.


- A Saiz huruf yang paling sesuai ialah 18 poin
- B Hadkan nota atau rajah yang mustahak sahaja
- C Transparensi harus dinomborkan
- D Simpan transparensi dalam sampul surat yang besar

S24 Kepingan *slaid* yang telah diproses boleh dimasukkan ke dalam bingkai empat segi berukuran

- A 1" x 1"
- B 2" x 2"
- C 3" x 3"
- D 4" x 4"

- S25** Sebelum sesuatu bahan instruksi direka bentuk, faktor pelajar berikut perlu dianalisis kecuali
- A ciri-ciri umum
 - B kompetensi kemasukan
 - C status sosio-ekonomi
 - D gaya pembelajaran
- S26.** Reka bentuk visual yang berwarna diperlukan sekiranya
- I Objektif yang dinyatakan itu terlibat dengan membezakan warna
 - II Warna diperlukan untuk membantu dalam membezakan tahap kerumitan sesuatu penerangan
 - III Kekurangan motivasi untuk pembelajaran
 - IV Maklumat yang ingin ditayangkan terlampau banyak untuk dimuatkan ke dalam sesuatu slaid.
- A I dan II
 - B II dan III.
 - C III dan IV.
 - D I, II dan III.
- S27** Aplikasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran meliputi
- I Pemprosesan perkataan
 - II Pangkalan data
 - III Perisian multimedia
 - IV Halaman web
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
- S28.** Apakah faktor utama perlunya penilaian terhadap pelajar sebelum sesi pengajaran bermula?
- A Bagi menyediakan maklum balas yang sesuai semasa proses pengajaran berlangsung
 - B Bagi membantu memfokuskan semua perhatian terhadap objektif pembelajaran
 - C Untuk melihat kembali maklumat penting sebelum memindahkan maklumat tersebut kepada situasi yang baru
 - D Bagi mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran sedia ada pelajar

S29 Rajah di bawah menunjukkan tiga jenis objek A, B dan C. Susunan yang manakah paling sesuai untuk menentukan keseimbangan dalam rekaan visual tersebut.



- S30** Kebaikan Projektor Legap (*Opaque Projector*) adalah seperti berikut kecuali
- A bahan dari buku, gambar foto dan bahan sebenar dapat ditayangkan ke skrin
 - B membantu penceramah menayangkan bahan yang didapati dalam masa yang singkat
 - C sesuai digunakan di lokasi yang mempunyai cahaya yang terang
 - D dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga penyediaan
- S31** Teknik yang paling efektif untuk membesarkan lima kali ganda sesuatu objek dari buku teks supaya dapat dilukiskan pada papan putih dengan kadar yang segera dan kesan yang paling baik ialah:
- A Melukiskannya dengan bantuan tali sebagai alat ukuran
 - B Menggunakan projektor untuk menayangkan objek tersebut dan melukiskannya mengikut tayangan tersebut
 - C Fotostat dan memperbesarkan objek tersebut mengikut saiz yang dikehendaki
 - D Menggunakan kaedah grid (*the grid method*) untuk membesarkan dan melukiskan objek tersebut

- S32 Instruksi yang berjaya mempunyai prinsip umum berikut, kecuali:
A Penglibatan yang aktif.
B Latihan.
C Mengambil kira perbezaan individu.
D Mengurangkan beban instruktur
- S33 Pilih kenyataan yang salah mengenai reka bentuk transparensi secara umum.
A Saiz huruf yang paling sesuai ialah 18 poin
B Hadkan nota atau rajah yang mustahak sahaja
C Transparensi harus dinomborkan
D Simpan transparensi dalam sampul surat yang besar
- S34 Langkah-langkah asas dalam penggunaan bahan pengajaran termasuk
A analisis sasaran, pratonton, persembahkan dan menilai
B nyatakan objektif, pratonton, persembahkan dan menilai
C pratonton, sediakan bahan, sediakan pelajar dan persekitaran
D pilih media, persembahkan, dapatkan maklum balas dan menilai
- S35 Manakah di antara berikut bukan merupakan penggunaan telesidang video?
A *Virtual atau candid classroom*
B *Face to face lecture*
C *Studio produced video conference*
D *Point to point atau multi-site*
- S36 Ciri-ciri web dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut, kecuali
A pakar bidang dapat berkongsi pengetahuan
B penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran
C pembelajaran kolaboratif atau pembelajaran berkumpulan
D proses interaksi antara pelajar dengan pelajar
- S37 Berikut adalah jenis-jenis pengajaran dan pembelajaran menggunakan komputer kecuali:
A Permainan pendidikan
B Pangkalan data
C Latih tubi
D Simulasi
- S38 Diana tidak dapat hadir ke sekolah selama tiga (3) hari kerana demam. Oleh yang demikian, dia ketinggalan untuk mengikuti pengajaran gurunya mengenai konsep-konsep dan terminologi berkaitan ekologi. Apakah bentuk pengajaran berbantuan komputer yang boleh membantu Fatimah mempelajari tajuk ekologi tersebut?
A Latihan bercorak latih tubi mengenai ekologi
B Tutorial tentang konsep-konsep ekologi
C Aktiviti penyelesaian masalah mengenai ekologi
D Simulasi yang memaparkan interaksi dalam ekologi

S39

- mengenal pasti matlamat pengajaran
- menerima kepelbagaian hasil pembelajaran
- menghasilkan produk pengetahuan
- menilai aras tugas
- membina kumpulan pembelajaran
- menggalakkan komuniti secara global

Pernyataan S39

Senarai Pernyataan S39 menerangkan aspek-aspek yang terkandung dalam salah satu model pembelajaran berasaskan web yang diasaskan oleh

- A McLellan (1997)
- B Reeves & Reeves (1997)
- C Duchastel (1997)
- D Branch (1997)

- S40** Multimedia kini telah berjaya menembusi bidang pendidikan kerana
- I merangkumi semua peranti penyampai melalui mikropemproses
 - II mengaplikasikan penyampaian mengikut urutan (*sequential*)
 - III menggunakan seberapa banyak saluran deria
 - IV menjanakan mesej yang unik melalui paparan skrin
- A I, II dan III
 - B II, III dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

BAHAGIAN B

- S1** Nyatakan definisi istilah-istilah berikut:
- a) Teknologi pendidikan (3 Markah)
 - b) Teknologi pengajaran (3 Markah)
 - c) Media (3 Markah)
- S2** Bincangkan tiga (3) peranan komputer mengikut Taylor (1980) (6 Markah)
- S3** Senaraikan lima (5) komponen utama Model Reka Bentuk Pengajaran ADDIE (5 Markah)
- S4** Senaraikan lima (5) posisi merakamkan gambar menggunakan kamera (5 Markah)

BAHAGIAN C

- S1 Bincangkan peranan Model ASSURE (Heinich, 1989) dalam penyediaan bahan pengajaran (20 Markah)
- S2 Bincangkan kelebihan dan kelemahan penggunaan telesidang video (20 Markah)

-SOALAN TAMAT-